



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**GAYA KEWARTAWANAN BARU DALAM
NOVEL *IMAM*
ABDULLAH HUSSAIN**

**FADZIL BIN MUHAMOD
M 20072000581**

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (KESUSASTERAAN MELAYU)**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JABATAN KESUSASTERAAN MELAYU
FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2010**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

GAYA KEWARTAWANAN BARU DALAM

NOVEL *IMAM*

ABDULLAH HUSSAIN

OLEH:

FADZIL BIN MUHAMOD

**DISERTASI INI TELAH DITERIMA OLEH JABATAN
KESUSASTERAAN MELAYU BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA KEPERLUAN IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(KESUSASTERAAN MELAYU)**

PADA SESI 2007/2010



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Penyelia
(Dr. Hj. Talib Samat)**

Tarikh

**Ketua Jabatan
Kesusasteraan Melayu
(Datuk Paduka Dr. Mohd. Rosli Saludin)**

Tarikh



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini ialah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

09.04.2010

FADZIL BIN MUHAMOD

M 20072000581



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Bismillahir Rahmaanir Rahiim

“Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang”

ALHAMDULILLAH, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan rahmat-Nya saya dapat menyiapkan penyelidikan ini tepat pada masanya.

Dalam kesempatan ini, saya dengan hormat dan besar hati mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Talib Samat. Berkat bantuan dan kerjasama beliau dalam memberikan bimbingan, tunjuk ajar, sumbangan idea dan bahan, nasihat yang berguna serta galakan telah mencetuskan semangat pengkaji untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Prof. Bukhari, Dr. Siti Khariah, Dr. Ani, Tn.Hj.Abd. Halim Ali, dan En. Idris yang mengajar saya sepanjang pengajian di UPSI.

Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi dorongan dan bahan-bahan untuk digunakan oleh pengkaji. Tidak lupa juga





kepada isteri tercinta, Pn. Arfah bt. Hj. Md. Hafidzin yang banyak memberi dorongan dan semangat kepada pengkaji. Begitu juga anak-anak tersayang, Abdul Hadi, Muhammad Najmi, Muhammad Hasif dan Nur Irdina Alya yang begitu memahami tugas pengkaji serta mencetuskan inspirasi untuk menamatkan pengajian di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tidak dilupakan ibu, Pn. Halimah bt. Mat yang mendoakan kejayaan pengkaji.

Akhir kata, saya mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada mereka yang terlibat sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam menyempurnakan penyelidikan ini.



FADZIL BIN MUHAMOD,
M 2072000581,
PROGRAM KESUSASTERAAN MELAYU,
FAKULTI BAHASA,
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS.





ABSTRAK

Penyelidikan ini difokuskan untuk mengenal pasti sama ada wujud unsur-unsur gaya kewartawanan baru (*new journalism*) dan sejauh manakah unsur-unsur itu bersifat estetik sastera dalam novel *Imam* yang menjadi fokus kajian. Kajian ini juga bertujuan meneliti bagaimana enam ciri gaya kewartawanan baru (*new journalism*) atau *faction* diterapkan serta apakah kesan penerapan dan penggunaannya dalam kreativiti Abdullah Hussain. Penyelidikan ini dibahagikan kepada lima bab. Bab pertama merupakan bahagian pengenalan yang membicarakan pernyataan kajian, bidang kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, kajian berkaitan, kaedah kajian, dan pendekatan kajian. Dalam bab kedua pula, membincangkan sejarah kemunculan dan perkembangan teori *new journalism*, tokoh-tokoh dan pengasas, kontroversi di sekitar gaya kewartawanan baru, definisi gaya kewartawanan baru, ciri-ciri gaya kewartawanan baru, perbezaan gaya kewartawanan baru dan non-fiction novel, Kedudukan dan pengaruh fakta, sejarah serta penerapannya dalam novel *Imam* karya Abdullah Hussain dan pengarang dunia yang mengaplikasikan teknik (gaya) *new journalism* dan berbentuk *non-fiction* novel dibincangkan dalam bab tiga. Bab empat pula membincangkan dan menganalisis gaya *fiction* yang terdapat dalam novel *Imam*. Dalam bab yang terakhir, dibuat kesimpulan daripada penyelidikan novel *Imam*.



ABSTRACT

This study is focussed to identify the existence of elements of new journalism and how far these elements are aesthetical in nature as expressed in the novel entitled *Imam* which is the focus of this research. This research also aims to examine how do the six new journalistic styles or factions are applied, its effects and aptness in Abdullah Hussain's works. This research is divided into five chapters. The first chapter is introduction which talks about the research statement, field of research, objective of research, importance of research, related research, research methodology, and research approach. The second chapter discusses on the emergence and the development of the new theory of journalism, some pin-up personalities and founder, some controversial issues in the new journalism, the definition and the characteristics of the new journalism, the differences between the new journalism and the non-fiction novel. The third chapter discloses the ranking and the influence of facts, history and instilments within the *Imam* written by Abdullah Hussain and writers in the world who applied the new way of journalism and non-fiction. The fourth chapter discusses and analyzes the fiction way within the *Imam*. The final chapter summarizes the research done in the *Imam*.

KANDUNGAN

HALAMAN JUDUL	Muka Surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
 BAB 1 : PENGENALAN	 1
1.1 Pernyataan Kajian	1
1.2 Bidang Kajian	6
1.3 Objektif Kajian	6
1.4 Kepentingan Kajian	7
1.5 Kajian Berkaitan	8
1.6 Kaedah Kajian	13
1.7 Pendekatan Kajian	13
 BAB 2 : SEJARAH KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN TEORI GAYA KEWARTAWANAN BARU	 15
2.1 Sejarah Kemunculan Teori gaya Kewartawanan Baru	15
2.2 Tokoh-tokoh Penting Gaya kewartawanan Baru dan Non-fiksiyen Novel	25
2.3 Falsafah Gaya Kewartawanan Baru	38
2.4 Kontroversi di Sekitar Gaya Kewartawanan Baru	46
2.5 Definisi Gaya Kewartawanan Baru	51
2.6 Ciri-ciri Gaya Kewartawanan Baru	52
2.7 Perbezaan Gaya Kewartawanan Baru dan Non-Fiction Novel	54

viii

BAB 3 : KEDUDUKAN, PENGARUH FAKTA DAN SEJARAH DALAM KARYA KREATIF ABDULLAH HUSSAIN DAN PENGARANG DUNIA	56
3.1 Pengenalan	56
3.2 Definisi Fakta, Pengaruh dan Sejarah	57
3.3 Hubungan Fakta dan Sejarah Dalam Pemikiran Fiksyen Moden dan Pasca Moden	61
3.4 Sejarah dan Fakta Dalam Karya-karya Abdullah Hussain	93
3.5 Kesimpulan	115
 BAB 4 : ANALISIS GAYA KEWARTAWANAN BARU DALAM NOVEL IMAM	 116
4.1 Pengenalan	116
4.2 Analisis Ciri-ciri Gaya Kewartawanan Baru Dalam novel <i>Imam</i>	117
4.3 Sinopsis Novel <i>Imam</i> Karya Abdullah Hussain	121
4.4 Contoh Aplikasi Gaya Peristiwa, Gaya Berita dan Gaya Fiksyen Dalam Novel <i>Imam</i>	127
4.5 Analisis Penggunaan dan Penerapan Gaya Kewartawanan Baru Dalam Novel <i>Imam</i>	132
4.6 Kesan Penggunaan dan Penerapan Gaya <i>Faction</i> dalam Kreativiti Abdullah Hussain	148
4.7 Kesimpulan	177
 BAB 5 : RUMUSAN	 180
 RUJUKAN	 186
 LAMPIRAN	



BAB 1

PENGENALAN

1.1 PERNYATAAN KAJIAN

Media massa khususnya akhbar, bidang kewartawanan dan kesusasteraan mempunyai pertalian erat di antara satu sama lain. Marcapada ini timbul hubungan yang makin ketara antara kewartawanan dan kesusasteraan apabila ahli masyarakat sering bertanya dan mempersoalkan kredibiliti sesuatu berita atau laporan yang ditulis oleh seseorang wartawan.

Ada juga masalah lain yang timbul apabila wartawan cuba menuliskan sesuatu berita dengan seobjektif mungkin tetapi menghadapi masalah disebabkan pihak berkuasa yang menentukan sumber berita tersebut. Ini bermakna bukanlah wartawan yang menentukan kebenaran sesuatu berita yang ditulis berdasarkan pemikiran mereka.





Pelbagai kelemahan yang terdapat dalam dunia kewartawanan dan penulisan jurnalistik itu sendiri menjadi punca wujudnya gejala ini. Fenomena yang berlaku di Amerika Syarikat sekitar tahun 1960-an telah mendorong golongan wartawan meminjam dan menggunakan unsur-unsur sastera dengan tujuan untuk menghasilkan satu bentuk penulisan yang dikenali sebagai *new journalism* yang mencampurkan teknik penulisan fakta dan fiksi dalam suasana harmoni sehingga laporan berita yang ditulis menjadi lebih kreatif dan segar jika dibandingkan dengan laporan bentuk biasa.

Bidang kewartawanan (konvensi lama) dan kesusasteraan jelas memperlihatkan bahawa kewartawanan mempunyai kekurangan dan kelemahannya sendiri. Menurut Shelly Fisher Fishkin, kewartawanan diselubungi kawalan dan kejemuan lebih bebas dan lebih menyeronokkan, penulisannya tidak cepat menjemukan minda pembaca (1998:7). Demikian juga kewartawanan tidak selalu jujur (*ibid.*, :7) ada putar belit dan pembaca tidak bebas berfikir sedangkan kesusasteraan lebih jujur, terbuka, dan bersifat objektif (menurut tafsiran pembaca sendiri). Penulisan kewartawanan tidak bersifat personal dan penulisnya tidak intim dengan pembaca sedangkan kesusasteraan bersifat personal, (*ibid.*, :7) kejiwaan dan penulis pembaca mempunyai hubungan intim. Begitu juga pembaca surat khabar atau laporan kewartawanan biasanya tidak aktif (*ibid.*, :7) sedangkan pembaca atau khalayak sastera biasanya aktif berfikir, merenung dan membentuk makna yang tersendiri daripada hasil-hasil kesusasteraan yang dibaca dan dihayatinya.





Penulisan dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan memberi sumbangan kepada sifat-sifat perkembangan kreatif para wartawan dan sasterawan yang saling meminjam di antara kedua-dua bentuk itu. Golongan wartawan misalnya, lebih cenderung kepada bentuk baru yang menggunakan teknik dan unsur-unsur sastera yang dikenali sebagai *new journalism*. Golongan sasterawan pula berminat menggunakan teknik dalam bidang kewartawanan iaitu fakta (John Holowell, 1977:25) dan sejarah (*ibid*,: 87) sehingga menghasilkan bentuk dan juga teknik non-fiksyen novel (*ibid*,: 11).

Golongan wartawan yang terbabit dalam peminjaman teknik penulisan sastera iaitu *new journalism* memberikan lebih tumpuan terhadap fakta, gaya yang dipelbagaikan, realiti yang konkrit, dokumentasi yang menyeluruh (Shelly Fisher Fishkin, 1988: 7) dinamik masyarakat, pengalaman dan sebagainya. Pengarang-pengarang ini yang menulis menggunakan gaya *new journalism*, novel bukan fiksyen atau dalam ertikata yang lain menggabungkan fakta dan fiksyen mempunyai dua ciri utama. Pertama, pengarang terbabit mementingkan pengalaman melebihi ideologi atau idea. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pengalaman diperolehi melalui apa yang diperhatikan, didengar, dirasa dan disaksikan sendiri. Pendek kata ia merangkumi apa yang dialami sendiri. Kedua, pengarang tersebut menulis menggunakan bahan mentah yang benar-benar berlaku atas diri mereka tanpa merujuk kepada karya sastera masa lampau. Dalam hubungan ini karya mereka bersifat *original(ibid,:7) asli*, menggambarkan realiti dan fakta sebenar apalagi gaya suratkhbar pula diaplikasikan dalam penulisan.





New Journalism yang dipelopori oleh Tom Wolfe merupakan disiplin yang mengkaji hubungan di antara konvensi baru dalam dunia kewartawanan dan penggunaan teknik atau unsur sastera. Menerusi *The New Journalisme* (1973) dan karya-karya ini dikemaskinikan oleh tokoh-tokoh lain, antaranya John Hollowel (1997) menerusi *Fact and Fiction: The New Journalism and the Nonfiction Novel*, John Hellman (1981) melalui *Fables on Fact: The New Journalism as New Fiction*, dan sebagainya.

Menurut Lutfi Abas ,

“*new journalism* yang dimulakan oleh oleh Tom Wolfe pada tahun 1960-an, adalah salah satu daripada banyak aliran realisme baru yang mengemukakan pemerian pencerita sesuatu karya seperti pemerian akhbar.”
(1955: 140)



Empat ciri penting gaya penulisan *new journalism* karya Tom Wolfe adalah (i) pemerian kejadian demi kejadian dengan sedikit cerita sejarah (imbas, balik), (ii) dialog penuh, sebagai sebahagian daripada suatu kejadian penuh; (iii) penyampaian kejadian melalui mata pengamat yang tertentu, meletakkan pembaca ke dalam watak itu ; dan (iv) merakamkan sikap, perangai, pakaian, gaya, alat rumah tangga dalam kejadian tertentu, mengemukakan ‘kehidupan status’ (iaitu) cara-cara dengannya dia menyatakan dirinya (1973: 31-34). Dua lagi ciri penting gaya penulisan *new journalism* ditambah oleh John Hollowell iaitu (i) monolog dalaman (interior monolog) dan (ii) perwatakan komposit (1977; 25-26).





Lutfi Abas turut menyatakan,

“Suatu jenis cereka yang menggunakan gaya *new journalism* disebut *faction* yang merupakan akronim *fact* dan *fiction* atau *non-fiction*. Ia disebut *fiction* kerana ia merupakan gabungan antara *fact* dengan *fiction*. Dalam *faction*, latar, masa, watak dan kejadian adalah nyata seperti laporan suratkhbar atau buku sejarah, tetapi *faction* ditulis menggunakan teknik penulisan novel” (1995: 141).

Karya Thomas Kennealy yang berjudul *Schindler's Ark* (1982) menambah keterangan para pengarang terhadap gaya penulisan *new journalism* dan kekuatan pengaruh yang semakin nyata. Ia menggabungkan teknik fakta dan fiksyen yang memenangi Hadiah Booker di Britain pada 1982. *Schindler's Ark* dianggap golongan wartawan sebagai karya dokumentari (bukan fiksyen) atau karya (kewartawanan) sedangkan pengkaji dan pengkritik sastera menganggapnya sebagai sebuah karya sastera berpandukan pengabungjalinan unsur-unsur sastera, teknik dan fakta sejarah kreatif yang tercatat di dalamnya. Gaya penulisan *new journalism* bertambah terkenal dan diminati seluruh dunia setelah kemenangan *Schindler's Ark* yang penuh kontroversi dan penggunaan gaya *new journalism* (Martyn Goffred, 1989:187).

Kajian ini bertujuan menyelidik dan mengenal pasti adakah karya Abdullah Hussain benar-benar menunjukkan gaya bahasa dan teknik penulisan yang berbeza dengan pengarang lain di Malaysia. Gaya bahasa dan penulisan beliau dikenal pasti memiliki gaya dan teknik penulisan *new journalism* melalui beberapa buah karyanya seperti *Terjebak* (1965), *Peristiwa* (1965), dan *Aku Tidak Minta* (1967).





1.2 BIDANG KAJIAN

Kajian ini memiliki sifat tekstual, konstektual dan perbandingan karya-karya Abdullah Hussain yang memiliki gaya *new journalism* dan berbentuk non-fiksi novel dengan memberi penekanan kepada novel *Imam*. Turut ditekankan ialah latar belakang dan pengalaman luas Abdullah Hussain dalam bidang kewartawanan, antaranya menjadi penolong pengarang suratkhbar *Saudara*, pengarang majalah *Bintang*, *Gelanggang Filem*, *Puspa*, dan majalah-majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia dan Brunei dan sebagainya meliputi Malaysia, Indonesia dan Brunei. Tumpuan kajian juga terarah kepada penglibatan Abdullah Hussain dalam sejarah perjuangan mempertahankan kemerdekaan di Malaysia seperti yang tercatat dalam teks-teks kajian dan buku-buku berkaitan.



1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Beberapa objektif penting ditekankan dalam kajian ini. Pertamanya ialah untuk memastikan sama ada wujud unsur-unsur *new journalism* dan sejauh mana ianya bersifat estetik sastera dalam karya Abdullah Hussain. Kalangan pengkritik sering menganggap beberapa karya Abdullah Hussain sama ada cerpen atau novel membawa aliran *new journalism* dalam karyanya. Objektif kedua bagaimana ciri-ciri dan gaya *new journalism* atau *faction* diterapkan dalam kreativiti Abdullah Hussain. Objektif ketiga





pula bertujuan mengkaji kesan penggunaan gaya *new journalism* atau *faction* dalam kreativiti Abdullah Hussain.

Ketiga-tiga objektif ini sangat relevan dilakukan memandangkan tiada kajian khusus dilakukan tentang teknik atau gaya penulisan *new journalism* dalam karya-karya Abdullah Hussain sama ada novel atau autobiografinya hampir tidak langsung dilakukan secara serius.

1.4 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian di peringkat M.A mahupun Ph.D terhadap novel dan karya-karya Abdullah Hussain yang membawa aliran ,gaya *new journalism* dan berbentuk *non-fiction* novel secara wajar dan ilmiah hampir tidak wujud dalam kalangan minda pengkritik atau pengkaji sastera.

Namun demikian, karya-karya beliau yang kurang berbentuk sedemikian sudah banyak dilakukan oleh para pengkaji untuk keperluan mendapatkan ijazah pertama di universiti-universiti tempatan. Golongan pengkritik sastera di peringkat antarabangsa juga belum mengkajinya secara serius dan mendalam.





Kebanyakan latihan ilmiah bagi peringkat sarjana muda dan sarjana hanya menumpukan kepada aspek tema dan struktur semata-mata namun masih belum menjuruskan kepada aspek kajian gaya penulisan *new journalism* dan bentuk *non-fiksi* novel yang diusahakan oleh Abdullah Hussain. Maka di sinilah kepentingan dan sasaran kajian ini untuk mempelbagaikan aspek dan ruang lingkup kesusasteraan Malaysia khususnya bidang kritikan.

Kajian ini diusahakan untuk membuktikan adakah wujud gaya kewartawanan baru dan wajarkah Abdullah Hussain dianggap pelopor gaya kewartawanan baru dalam kesusasteraan Malaysia juga berusaha menilai sumbangan beliau terhadap kesusasteraan Melayu moden berhubung penerapan gaya kewartawanan baru dalam karyanya.



1.5 KAJIAN BERKAITAN (*LITERATURE REVIEW*)

Menerusi *The New Journalism* (1973), Tom Wolfe telah memperkenalkan teori gaya kewartawanan baru yang menerapkan penggunaan dan peminjaman teknik-teknik sastera khususnya novel dan cerpen dalam melaporkan berita secara kreatif.

Tom Wolfe memperkenalkan *new journalism* yang telah mendapat respon baik dan kajian daripada para sarjana seperti Micheal Johnson menerusi bukunya *New Journalism: The Underground Press, the Artists of Nonfiction and Changes in the*





Established Media (1971), Ronald Weber menghasilkan *The Reporter as Artist: A Look at the New Journalism Controversy* (1974), Mas'ud Zavarzadeh melalui karyanya *Mythpoeic Reality: The Postwar American Nonfiction Novel* (1976) dan John Hollowell menerusi *Fact and Fiction : The New Journalism and Nonfiction Novel* (1977).

Teknik penulisan sastera yang mempunyai enam ciri utama iaitu latar dramatik, dialog penuh dan berkaitan, deskripsi terperinci (status kehidupan lengkap), sudut pandangan, monolog dalaman dan perwatakan pelbagai (komposit) telah dipinjam oleh teori gaya kewartawanan baru.

Dapatlah disimpulkan bahawa teori *new journalism* yang diperkenalkan oleh Tom Wolfe merupakan pemikiran dan wawasan baru dalam pelaporan berita yang mementingkan kebenaran, falsafah kemanusiaan dan keindahan yang disampaikan secara kreatif menerusi gaya bahasa sastera.

Kajian berkaitan tentang penerapan Gaya Kewartawanan Baru yang dipelopori Abdullah Hussain belum atau hampir tidak pernah wujud meskipun kajian terhadap karya beliau sudah banyak dilakukan terutamanya yang menggunakan pendekatan tema dan struktur.

From Class to Culture: Social Conscience in Malay Novels Since Independence karya Prof. David J. Banks ada menyorot dan memperkatakan beberapa





novel Abdullah Hussain yang lain daripada aspek sosiologi dan perkembangan masyarakat Melayu era sebelum dan selepas merdeka (1987: 71)

Md. Salleh Kassim (1984) dalam bukunya *Kewartawanan: Teori dan Praktis* ada menyebutkan,

“Di negara ini pengarang terkenal Abdullah Hussain banyak menulis cerpen berdasarkan pengalaman sendiri. Beliau mungkin boleh digolongkan di bawah wartawan *new journalism* (1984: 151)

Dalam tulisannya “*Jurnalisme Baru Dalam Karya Kreatif*” (Dewan Sastera, Mei 1985: 65-67) Abdullah Hussain mengakui tidak menyedari gaya penulisan *new journalism* iaitu berdasarkan fakta dan pengalaman sebenar telah dipusakainya sejak mula terlibat dalam dunia penulisan pada tahun 1939. Penglibatannya dalam akhbar *Saudara*, *Gelanggang Filem*, *Angkatan Baru* dan majalah-majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka di Malaysia dan Brunei dan sebagainya telah menguatkan gaya *new journalism* dalam kebanyakan karyanya.

Pada 1973, Tom Wolfe dalam bukunya *The New Journalism* telah memberi istilah yang tepat terhadap gaya penulisan New Journalism. Walhal, Abdullah Hussain lebih awal daripada itu telah mempraktikkan gaya penulisan yang tidak diketahui namanya itu dalam cerpen dan tiga novelnya iaitu *Terjebak* (1965), *Peristiwa* (1965) dan *Aku Tidak Minta* (1967) diterbitkan lapan atau enam tahun lebih awal daripada Tom Wolfe yang mencipta teori ini.





Fakta ini menjelaskan betapa Abdullah Hussain merupakan antara pelopor gaya penulisan *New Journalism* yang sebelumnya tidak diketahui secara tepat berpunca daripada kurang tersebar luas buku-buku teori ini atau masalah komunikasi di luar kawalan manusia.

Abdullah Hussain dalam tulisannya menyebutkan,

“Rupanya bagi penulis-penulis di barat, stail yang saya lakukan itu telah lama berjalan dan dikenali dengan nama *New Journalism* (journalism baru). Hal ini saya ketahui melalui Salleh Kassim ketika kami sama-sama pergi ke Melaka memberi ceramah di Bengkel Penulisan di **Tapian Gelanggang** dalam bulan Mei tahun 1982”.

“Malam itu di Hotel Admiral, Salleh yang pada masa itu menjadi pensyarah Kreatif dan Deskriptif di Universiti Malaya menunjukkan kepada saya manuskrip bukunya yang baru disiapkan dan di dalamnya ada disebutkan nama saya sebagai orang yang memulai stail itu di Malaysia (1985: 67)”.

Dalam pada itu, Lutfi Abas dalam bukunya *Kritikan Karya Sastera Sebagai Karya Seni* (1995) ada membuat sorotan sedikit terhadap bentuk dan ciri-ciri penulisan gaya *new journalism* dan menjadikan tiga novel Abdullah Hussain iaitu *terjebak*, *Peristiwa* dan *Aku Tidak Minta* sebagai contoh novel Malaysia (1985: 67) yang bercorak demikian.





Lutfi Abas berkata, kerja-kerja penterjemahan yang dilibati oleh Abdullah Hussain memudahkan beliau terpengaruh dengan gaya penulisan *new journalism*. Hal ini jelas seperti dakwanya,

“Dalam berbagai-bagai karya yang diceburinya Abdullah Hussain juga merupakan seorang penterjemah. Setakat ini, beliau telah menterjemahkan tujuh novel dan dua buku umum. Antara novel-novel yang diterjemahkannya ialah karya Ernest Hemingway, Pearl S. Buck dan John Steinbeck. Besar kemungkinan gaya *new journalism* itu diserapnya melalui novel Hemingway, *The Old Man and The Sea* yang diterjemahkan oleh Abdullah Hussain ke Bahasa Melayu menjadi *Orang Tua Dengan Laut* pada tahun 1961 (1995:144-145).

Terdapat juga golongan sarjana dan Pengkritik sastera tempatan yang turut mengkaji karya-karya Abdullah Hussain daripada pelbagai perspektif. Misalnya, pada 1990 Dr. Darwis Harahap Mohammad “*Konserto Terakhir: Dari Sudut Peradaban*”; A. Rahim Abdullah (1991) “Stail dan Teknik Dalam Cerpen-cerpen Abdullah Hussain”; Hamzah Hamdani (1995) “*Novel Imam membawakan Pembaharuan Islam?*” dan Ungku Maimunah Mohd. Tahir (1995) “*Novel Imam Karya Abdullah Hussain: Jatidiri Pemimpin Agama*”.





1.6 KAEDAH KAJIAN

Kajian terhadap Novel *Imam* karya Abdullah Hussain dibuat mengikut kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan amat perlu dilakukan untuk mendapatkan maklumat berkenaan sejarah kemunculan dan perkembangan teori *new journalism*, falsafah perkembangan, perbezaan kewartawanan lama dan *new journalism*, perbezaan fiksiyen dan non-fiksiyen novel dan struktur karya sastera yang dikaji.

1.7 PENDEKATAN KAJIAN

Teori kajian ini berlandaskan fakta dan peristiwa yang difiksiyenkan oleh Abdullah Hussain dalam novel *Imam*. Karya Abdullah Hussain ini menggabungkan fakta dan sejarah pendudukan tentera Jepun dan peristiwa konfrontasi yang melibatkan Malaysia dan Indonesia dalam bentuk fiksiyen. Dalam meneliti novel *Imam* ini, teori *New Journalism* yang dikemukakan oleh Tom Wolfe pada 1973 dimanfaatkan sepenuhnya.

Gabungan pendekatan tekstual dan biografi merupakan pendekatan yang digunakan untuk mengkaji novel *Imam*. Teknik pengkajian yang berasaskan ciri-ciri yang terdapat dalam teori *new journalism* yang dipelopori oleh Tom Wolfe (empat ciri) dan dimantapkan lagi oleh John Hollowell (dua ciri) digunakan untuk menganalisis





novel *Imam* karya Abdullah Hussain yang berciri dan berbentuk sedemikian bagi membuktikan bahawa wujud atau tidak ciri dan gaya kewartawanan baru atau *faction* dalam novel *Imam*. Pendekatan tekstual bermaksud mengkaji keseluruhan unsur-unsur dalaman yang terkandung dalam sesebuah teks sastera bagi mengukur kekuatan dan kelemahan sesebuah karya sastera itu. Manakala pendekatan biografi pula dimanfaatkan untuk meneliti latar belakang seseorang pengarang, masyarakat dan kehidupan luaran seseorang pengarang yang mempengaruhi proses kreatifnya menghasilkan sesebuah karya itu. Pendekatan tekstual dan biografi ini digabung dan dimanfaatkan sepenuhnya untuk meneliti novel Abdullah Hussain.

